

**MINIT MESYUARAT PERTANDINGAN KALAM JAMAIE DAN SENI KHAT
SEKOLAH - SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PERINGKAT DAERAH KINTA SELATAN 2019**

Bil. Mesyuarat : 1 / Tahun 2019
Tarikh : 21 Ogos 2019 (Rabu)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Gerakan, SK Sultan Yussuf, Batu Gajah

Hadir

- 1. En. Islah bin Othman** - Pengerusi
(Penyelia Kanan Pendidikan Islam)
- 2. Pn. Noor Aishah binti Talib**
(PK Pentadbiran Sekolah Kebangsaan St. Bernadette's Convent)
- 3. En. Muhammad Affandi bin Md Ujang**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Gopeng, Taman Gopeng Baru)
- 4. Muhammad Hanis bin Mohd Fadzil**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Ayer Papan)
- 5. Nurul Huda Binti Ibrahim Istar**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Methodist ACS Kampar)
- 6. Nor Aisha binti Hamzah**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Pengkalan Baharu)
- 7. Faten Nor Iliani binti Mohd Saufi**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Tualang Sekah)
- 8. Noor Hazani binti Sungali**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Sentosa)
- 9. Rosmaliza binti Had**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Kampar)
- 10. Nur Amirah binti Badaruddin**
(Wakil Sekolah Kebangsaan Seri Tronoh)

i. PERUTUSAN Pengerusi

1.1 Kata Alu-aluan

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada penolong kanan dan guru yang hadir mewakili sekolah ke mesyuarat kali ini

Makluman

1.2 Penerangan ringkas tentang Pertandingan Kalam Jamaie dan Seni Khat 2019

Tuan Pengerusi menyampaikan penerangan ringkas tentang pertandingan yang akan dijalankan secara ringkas dan memberi gambaran serba sedikit tentang perjalanan yang telah berlangsung pada tahun 2018.

Makluman

ii. TAKLIMAT PERTANDINGAN PERTANDINGAN KALAM JAMAIE DAN SENI KHAT SEKOLAH-SEKOLAH KPM PERINGKAT DAERAH KINTA SELATAN TAHUN 2019

2.1 Mesyuarat mengambil maklum :

2.1.1 Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan tentang perjalanan Pertandingan Kalam Jamaie Dan Seni Khat Sekolah-Sekolah KPM Peringkat Daerah Kinta Selatan Tahun 2019.

2.1.2 Pertandingan Kalam Jamaie dan Seni Khat Peringkat Daerah Kinta Selatan akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 29 Ogos 2019 (Khamis)

Masa : 8.30 pagi

Tempat : SK Gopeng Taman Gopeng Baru

2.1.3 Peserta yang menjadi johan akan bertanding di peringkat Negeri Perak dalam Karnival Dakwah Sekolah-Sekolah KPM pada 14 September 2019.

iii. PEMBENTUKAN JAWATANKUASA PERTANDINGAN

3.1 Jawatankuasa pertandingan akan disediakan oleh SK Gopeng Taman Gopeng Baru sebagai tuan rumah dan melibatkan guru-guru SK Gopeng Taman Gopeng Baru

Tindakan : SKGTGB

iv. **PERUTUKAN KEWANGAN**

4.1 Mesyuarat mengambil maklum :

4.1.1 Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri tidak memperuntukkan sebarang dana untuk membiayai pertandingan ini. Oleh itu, terpulang kepada tuan rumah bersama sekolah yang menyertai untuk berbincang dan menetapkan sebarang bayaran penyertaan bagi menjayakan pertandingan ini.

4.2 Mesyuarat telah bersetuju dan membuat keputusan bahawa:

4.2.1 Sekolah membayar yuran penyertaan secara **tunai atau cek sahaja yang diambil daripada wang SUWA atau wang PIBG SEKOLAH** dan dibayar kepada :

KELAB KEBAJIKAN PPD KINTA SELATAN

508047115321 - MAYBANK

4.2.2 Bayaran yuran penyertaan adalah seperti berikut :

1. Penyertaan Kalam Jamaie dan Seni Khat : RM 150.00

2. Penyertaan Seni Khat sahaja : RM 50.00

4.2.3 Bayaran yuran penyertaan hendaklah dibuat **selewat-lewatnya atau pada 27 Ogos 2019 (Selasa)**.

4.2.4 Kutipan bayaran ini adalah untuk menampung kos makanan peserta, guru pengiring dan hakim (1 kali sahaja), hadiah dan persiapan tempat pertandingan.

Tindakan : Semua Sekolah yang mengambil bahagian

v. **UNDIAN GILIRAN PESERTA**

5.1 Undian giliran kumpulan Kalam Jamaie akan dibuat di kaunter pendaftaran pada hari pertandingan.

Makluman

vi. **PERATURAN ASAS PERTANDINGAN**

6.1 Mesyuarat telah membuat ketetapan dan mengambil maklum perkara berikut:

6.1.1 **Pertandingan Kalam Jamaie**

- 6.1.1.1 Setiap kumpulan diwakili oleh peserta perempuan sahaja.
- 6.1.1.2 Bilangan peserta adalah seramai 25 orang termasuk Konduktor.
- 6.1.1.3 Tiada paksaan pemakaian tudung bagi peserta **BUKAN** beragama Islam.
- 6.1.1.4 Setiap kumpulan diberi masa 10 minit untuk membuat persembahan, kumpulan yang kurang daripada 8 minit atau melebihi 10 minit, markah akan dipotong.
- 6.1.1.5 Penggunaan elemen kesenian seperti selawat / zikir / nasyid / qasidah/syair hanya dibenarkan 3 kali sahaja dalam persembahan.
- 6.1.1.6 Skrip hendaklah ciptaan baru dan asli
- 6.1.1.7 Sebarang peralatan sokongan tidak dibenarkan.

6.2.1 **Pertandingan Seni Khat**

- 6.2.1.1 Setiap sekolah dibenarkan menghantar 2 orang wakil sahaja yang terdiri daripada seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan kecuali sekolah Sekolah Kebangsaan St. Bernadette's Convent menghantar 2 orang peserta perempuan.
- 6.2.1.2 Peserta bebas memakai pakaian Baju Kebangsaan.
- 6.2.1.3 Masa pertandingan adalah 2 jam 30 minit.
- 6.2.1.4 Kertas bersaiz A2 akan disediakan oleh Pihak Sekolah
- 6.2.1.5 Peralatan Khat seperti pensel, pen dan sebarang alatan lain hendaklah disediakan sendiri oleh peserta yang mengambil bahagian.
- 6.2.1.6 Maklumat lebih terperinci boleh rujuk dalam panduan dan syarat pertandingan seni khat yang dibekalkan oleh Bahagian Dakwah BPI KPM.

vii. **HAL - HAL LAIN**

- 7.1 Peserta Seni Khat tidak diwajibkan menggunakan pen khat, penulisan menggunakan pensel khat juga diterima.
- 7.2 Peserta perlu memilih **salah satu kaedah khat** yang hendak ditulis iaitu Khat Nasakh atau Khat Req'ah.
- 7.3 Skrip pertandingan Kalam Jamaie perlu diserahkan kepada urusetia pertandingan selewat-lewatnya atau pada **27 Ogos 2019 (Selasa)** seperti ketetapan berikut :
1. **Jenis tulisan : "Traditional Arabic"**
 2. **Saiz tulisan : 22**
 3. **Jarak Langkau : 2 baris (Double Spacing)**
 4. **Berbaris dan muka depan hanya perlu dinyatakan tema, tajuk dan nama kumpulan sahaja.**
 5. **Bilangan salinan yang perlu diserahkan adalah sebanyak 4 salinan**
 6. **Permakahan bahagian isi tidak akan dikira sekiranya skrip tidak diserahkan.**

viii. **PENUTUP**

- 8.1 Pengerusi berharap semua ahli mesyuarat yang mewakili pentadbir sekolah boleh memaklumkan dapatan mesyuarat pada hari ini kepada Guru Besar.
- 8.2 Beliau berharap agar semua dapat memberikan kerjasama yang padu bagi memastikan program berjalan dengan lancar.
- 8.3 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Urusetia

Pertandingan Kalam Jamaie Dan Seni Khat

Peringkat Daerah Kinta Selatan Tahun 2019.

Disahkan oleh :

.....
(ISLAH BIN OTHMAN)

Penyelia Kanan Pendidikan Islam

Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan.